

Jilid III  
Bil. 32



Hari Jumaat  
25hb Oktober, 1985

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMENKEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 5309]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 5338]**

MALAYSIA

## **DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

### **PENGGAL YANG KETIGA**

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIRBINMOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.I., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN . PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBKAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAJ, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N. D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu),
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, JP. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAMIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rujang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., JP. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- Yang Berhormat DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „    DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „    TUAN LIM Krr SIANG (Kota Melaka).
- „    TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „    TUAN LING SIE MING (Sibu).
- TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „    DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI Au, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „    DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.IJ., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „    TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „    DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „    DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „    DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „    TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „    TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „    TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „    TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.M., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „    DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „    TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (**Mas Gading**).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (**Serian**).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (**Pasir Mas**).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir  
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).



## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT**

**Jumaat, 25hb Oktober, 1985**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**RANG  
UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN, 1986**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

*4.00 ptg.*

**Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

**EKONOMI  
ANTARABANGSA**

Dengan sukacita saya memaklumkan bahawa ekonomi Malaysia sekali lagi dapat menghadapi kemelesetan pada tahun ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan ekonomi antarabangsa telah kembali menjadi lembap pada tahun ini setelah pulih sedikit pada tahun 1984. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian, yang merupakan rakan

perdagangan utama Malaysia, dijangka turun dari 4.9% pada tahun 1984 kepada 2.8% pada tahun 1985 sungguhpun inflasi dikekalkan pada kadar yang rendah iaitu sebanyak 3.9%. Pengangguran masih kekal di tahap yang tinggi. Perlindungan perdagangan terus meningkat. Negara-negara perindustrian mengamalkan dasar perlindungan bagi kepentingan sendiri yang sempit dan untuk melindungi industri-industri mereka yang tidak cekap. Dasar sedemikian mungkin memberi faedah jangka pendek kepada negara-negara perindustrian, tetapi mereka akan mengalami kerugian dalam tempoh jangka panjang. Dasar ini adalah bertentangan dengan prinsip perdagangan bebas yang dilaung-laungkan oleh negara-negara tersebut. Perlindungan perdagangan menjejaskan eksport keluaran negara-negara yang sedang membangun. Langkah yang negatif dan tidak bertanggungjawab ini akan hanya memburukkan lagi kemelesetan ekonomi antarabangsa dan mengurangkan perdagangan dunia.

Selain dari ancaman perlindungan, prospek untuk menurunkan kadar faedah antarabangsa tidak begitu cerah. Usaha-usaha mengurangkan defisit Belanjawan dan Imbangan Pembayaran Amerika Syarikat masih belum menunjukkan kesan. Oleh kerana kemelesetan ekonomi mungkin berpanjangan sehingga tahun 1986, negara-negara sedang membangun dijangka terus menghadapi pertumbuhan yang perlahan, defisit

belanjawan serta akaun semasa yang tinggi dan beban hutang luar negeri yang meningkat.

### **PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA TAHUN 1985**

Tuan Yang di-Pertua, saya akan hanya menggariskan isu-isu utama di dalam ucapan saya ini. Maklumat yang lebih terperinci boleh didapati dari Laporan Ekonomi Perbendaharaan dan juga lain-lain dokumen yang dibentangkan dalam Dewan ini.

Keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan telah menjejaskan prestasi ekonomi negara. Ini adalah kerana ekonomi Malaysia sebuah ekonomi terbuka. Oleh itu, kadar pertumbuhan sebenar ekonomi Malaysia dijangka mencapai 5.2% dalam tahun 1985 setelah menikmati pertumbuhan yang agak tinggi, iaitu sebanyak 7.6% pada tahun yang lalu. Prestasi yang kurang menggalakkan dalam tahun 1985 berpunca dari permintaan luar negeri yang lemah, dan juga pengurangan dalam pengeluaran petroleum. Walau bagaimanapun, prestasi ekonomi kita masih lebih tinggi berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain iaitu purata sebanyak 2.7% dan 3.6% bagi semua negara-negara membangun.

Pada tahun ini, defisit akaun semasa Imbangan Pembayaran dianggarkan berjumlah \$5.3 billion berbanding dengan defisit pada tahun 1984 sebanyak \$3.7 billion. Walau bagaimanapun, defisit ini yang merupakan 6.9% dari Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah lebih rendah dari kedudukan defisit akaun semasa pada tahun 1982 yang berjumlah 14.1% dari KNK.

Kerajaan telah melaksanakan berbagai langkah untuk mengurangkan aliran keluar tukaran asing di dalam akaun tak ketara bagi bayaran perkapalan, insuran, pendapatan

pelaburan dan perjalanan. Tumpuan utama telah diberi kepada usaha memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar negeri melawat Malaysia dan juga menggalakkan pelancongan tempatan. Bagi tempoh jangka panjang, langkah-langkah ini akan mengurangkan defisit di dalam akaun tak ketara dan seterusnya memperbaiki Imbangan Pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari Dasar Belanjawan kita yang berhati-hati, sukacita dimaklumkan akaun semasa Kerajaan Persekutuan dijangka menunjukkan lebihan sebanyak \$417 juta pada tahun ini. Defisit keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan juga dijangka bertambah baik. Jumlah defisit pada tahun ini sebanyak \$6.7 billion adalah lebih rendah dari tahun lalu. Walau bagaimanapun, keadaan kewangan bagi keseluruhan sektor awam, yang meliputi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, dan juga Agensi-agensi Di Luar Belanjawan, dijangka mencatatkan defisit sebanyak \$8.7 billion pada tahun 1985 berbanding dengan \$7.8 billion pada tahun yang lalu.

Saya ingin menekankan bahawa jumlah defisit akaun semasa Imbangan Pembayaran dan Belanjawan sektor awam masih tinggi walaupun terdapat kemajuan dalam usaha mengurangkannya. Oleh itu, langkah-langkah selanjutnya perlu diambil untuk mengurangkan defisit ini, memandangkan pertumbuhan ekonomi yang rendah di negara-negara perindustrian yang terus menjejaskan ekonomi Malaysia.

### **STRATEGI BELANJAWAN 1986**

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada keadaan ekonomi antara-bangsa yang tidak menggalakkan.

Strategi Belanjawan 1986 adalah bertujuan untuk:

- Pertama: memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki Imbangan Pembayaran dan Belanjawan Negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam; dan
- Kedua: mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta.

### **PERUNTUKAN BELANJAWAN 1986**

Selaras dengan Strategi Belanjawan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam, maka saya mencadangkan supaya sejumlah \$30,812 juta diperuntukkan, bagi Belanjawan Kerajaan Persekutuan tahun 1986. Daripada jumlah ini, sebanyak \$21,954 juta atau kira-kira 71% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan bakinya sebanyak \$8,858 juta atau kira-kira 29% adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan. Peruntukan yang dicadangkan ini bertambah sebanyak \$1,621 juta atau kira-kira 6% daripada peruntukan Belanjawan tahun 1985.

### **PERBELANJAAN MENGURUS**

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1986 bertambah sebanyak \$417 juta atau hanya kira-kira 2% sahaja berbanding dengan peruntukan Belanjawan tahun 1985. Kira-kira 35% atau \$7,696 juta adalah untuk bayaran gaji dan 27% atau \$5,925 juta untuk bayaran hutang negara.

Kerajaan akan terus mengawal dengan ketat Perbelanjaan Mengurus. Pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengwujudan

jawatan-jawatan baru, kecuali bagi jawatan-jawatan penting sahaja, akan diteruskan. Di samping itu, tindakan akan terus diambil bagi mengurangkan bilangan anggota perkhidmatan awam melalui proses penswastaan dan peningkatan daya pengeluaran serta kecekapan pengurusan sektor awam.

Kerajaan perlu mengambil tindakan bagi mengurangkan keanggotaan perkhidmatan awam memandangkan saiz perkhidmatan awam Malaysia adalah yang terbesar jika dibandingkan dengan beberapa negara lain. Pada tahun 1983, bagi tiap-tiap 17 orang penduduk Malaysia, seorang daripadanya adalah kakitangan Kerajaan berbanding dengan 29 orang penduduk bagi Brunei, 33 orang bagi Thailand, 37 orang bagi Singapura dan 43 orang bagi Filipina. Di Jepun, bagi tiap-tiap 25 orang penduduk, seorang daripadanya adalah kakitangan Kerajaan. Di India pula, bagi tiap-tiap 45 orang penduduk, seorang daripadanya ialah kakitangan kerajaan. Di Britain, bagi tiap-tiap 84 orang penduduk, seorang daripadanya adalah kakitangan Kerajaan. Jika saiz perkhidmatan awam dapat dikurangkan, peruntukan bagi bayaran gaji juga dapat dikurangkan. Wang yang dijimatkan daripada pengurangan peruntukan bagi bayaran gaji ini, dapat digunakan bagi mengadakan lebih banyak projek pembangunan untuk dinikmati oleh semua rakyat di negara kita.

Dalam hubungan ini, sukalah juga saya menyentuh berkenaan dengan tuntutan pelarasan gaji bagi pekerja-pekerja sektor awam oleh CUEPACS. Di sini sukalah saya menegaskan sekali lagi, iaitu dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang kita hadapi sekarang. Kerajaan tidak mampu memenuhi kesemua tuntutan yang dikemukakan oleh pihak Kesatuan Sekerja. Pihak CUEPACS nampaknya sudah menerima hakikat ini. Saya berbangga

dengan sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh CUEPACS dan pekerja-pekerja sektor awam.

### **CUKAI KE ATAS PENCEN**

Kita semua perlulah berkorban. Dari itu, pencen yang diterima oleh ahli-ahli politik sebagai ahli Parlimen atau Dewan-dewan Undangan Negeri, ataupun sebagai anggota pentadbiran Kerajaan Pusat, atau Kerajaan-kerajaan Negeri, adalah dicadang dikenakan cukai sehinggalah mereka yang berkenaan mencapai usia 55 tahun, melainkan jika mereka bersara atas sebab kesihatan. Langkah ini, diambil bagi menyamakan layanan antara perkhidmatan politik dengan perkhidmatan awam, khususnya dari segi cukai ke atas bayaran pencen. *(Ketawa)*

Pada masa ini, pencen yang diterima oleh seseorang isteri yang bersara secara pilihan, adalah disatukan dengan pendapatan suami. Cukai dikenakan mengikut kadar cukai yang bersesuaian dengan pendapatan suami. Beberapa pertubuhan wanita telah mengemukakan bantahan terhadap keadaan yang kurang adil ini. Saya bersetuju dengan mereka *(Ketawa)* dan dengan itu mencadangkan supaya pencen seseorang isteri yang bersara secara pilihan ditaksir secara berasingan bagi tujuan mengenakan cukai. Walaupun kita menghadapi kemelesetan, tetapi demi keadilan, Kerajaan sanggup membuat pengorbanan untuk wanita. *(Ketawa)*

### **PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan sedang menghadapi masalah kewangan, peruntukan Pembangunan yang berpatutan bagi tahun 1986 akan terus disediakan. Dari jumlah \$8,858 juta yang dicadangkan, Sektor Ekonomi diperuntukkan sebanyak

\$4,791 juta atau kira-kira 54% dan Sektor Sosial sebanyak \$2,635 juta atau kira-kira 30%.

### **AGENSI-AGENSI DI LUAR BELANJAWAN**

Seperti yang telah saya nyatakan di dalam Ucapan Belanjawan yang lalu, aturcara kawalan dan pengurusan kewangan bagi perbelanjaan Kerajaan dan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan tidak sepatutnya berbeza. Kedua-duanya memberi kesan terhadap Imbangan Pembayaran dan kedudukan keseluruhan kewangan negara. Oleh yang demikian, Kerajaan telah mempergiatkan usaha mengawasi perbelanjaan dan dayamaju projek-projek Agensi-agensi Di Luar Belanjawan. Satu sistem Amaran Awal telah ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi menilai prestasi agensi-agensi ini. Selaras dengan usaha-usaha mengawal perbelanjaan, peruntukan pembangunan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan telah dikurangkan sebanyak \$2 billion dalam tahun 1986.

### **PENGECCUALIAN CUKAI ATAS KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI DI LUAR NEGERI**

Kawalan ke atas perbelanjaan pada keseluruhannya akan dapat menolong meringankan masalah Imbangan Pembayaran. Walau bagaimanapun, kita masih perlu berusaha lebih daripada itu. Kerajaan percaya, terdapat jumlah wang yang agak besar tersimpan di luar negeri, yang dimiliki oleh rakyat Malaysia. Wang ini dapat membantu memperkukuhkan kedudukan kita, jika dibawa balik ke negara ini. Mereka yang setia kepada negara seharusnya membuktikan kesetiannya dengan membawa balik wang tersebut ke negara ini.

Kerajaan ingin menggalakkan lebih banyak lagi wang ini dibawa balik ke Malaysia supaya ia dapat memberikan

sumber tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara kita. Dari itu, saya bercadang memberikan amnesti kepada pendapatan komisen yang dibayar di luar negeri kepada rakyat Malaysia atas perkhidmatan yang dilaksanakan di negara ini. Ini bermakna semua pendapatan komisen ini yang dibawa balik ke Malaysia tidak akan dikenakan apa-apa denda. Selain dari itu, separuh, iaitu, 50% daripada pendapatan komisen ini akan dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagi syarikat, ini bermakna kadar cukai ke atas pendapatan tersebut ialah 20% sahaja. Bagi pendapatan yang diperolehi di luar negeri oleh rakyat Malaysia berikutan dari pelaburan atau perniagaan mereka, Kerajaan akan memberikan pengecualian sepenuhnya dari cukai pendapatan. Oleh itu, pendapatan dari sumber ini tidak dikenakan cukai lagi apabila dibawa balik ke Malaysia. Amnesti dan pengecualian cukai atas 2 jenis pendapatan ini akan diberikan hanya untuk tempoh yang terhad, iaitu pada tahun 1986 sahaja.

#### **PENGECEUALIAN CUKAI ATAS PINJAMAN JANGKA PANJANG YANG DILULUSKAN**

Pada masa ini, faedah yang dibayar kepada bukan pemastautin atas pinjaman jangka panjang yang diluluskan adalah dikecuali dari cukai pegangan 15%. Untuk mengurangkan pinjaman sektor swasta di luar negeri, adalah dicadangkan supaya pengecualian cukai ke atas pinjaman jangka panjang ini ditarikbalik. Pengecualian ke atas pinjaman-pinjaman yang diluluskan adalah dikekalkan tetapi definisi pinjaman-pinjaman ini akan diperketatkan lagi. Adalah dicadangkan juga supaya kadar cukai pegangan ke atas pinjaman luar dinaikkan ke 20%.

#### **GALAKAN UNTUK INDUSTRI PELANCONGAN**

Tuan Yang di-Pertua, akaun tak ketara di dalam Imbangan Pembayaran Negara masih lagi lemah. Dari itu, saya mencadangkan supaya galakan-galakan cukai yang ada sekarang dijadikan lebih liberal untuk menarik lebih ramai lagi pelancong dan juga menggalakkan pelancongan dalam negeri. Galakan yang ada sekarang hanya diberikan kepada projek-projek hotel. Galakan ini dicadangkan diperluaskan supaya diberikan juga kepada lain-lain projek seperti "motel", "chalets" dan "hostel". Projek-projek yang diluluskan sebagai projek pelancongan seperti pusat-pusat riadah, taman-taman dan taman permainan kanak-kanak akan juga layak mendapat galakan-galakan ini.

Galakan Taraf Perintis akan diberikan untuk tempoh yang tetap iaitu 5 tahun dan Kredit Cukai Pelaburan pula akan diberikan sehingga kepada kadar maksimum 100%.

Pengusaha-pengusaha pelancongan adalah digalakkan supaya memainkan peranan yang lebih aktif lagi untuk membawa masuk pelancong-pelancong asing. Bagi mencapai tujuan ini, pengusaha pelancongan yang berjaya membawa masuk dalam sesuatu tahun lebih daripada jumlah pelancong yang ditetapkan, akan diberikan galakan cukai dengan cara memberikan pengecualian cukai sebanyak 10% daripada pendapatan perniagaan atas pelancongan asing ini.

Cukai Perkhidmatan akan juga dikurangkan daripada 10% sekarang ini kepada 5%. Dengan itu, adalah diharapkan supaya sewa bilik dan harga-harga makanan di restoran juga dapat dikurangkan. Saya berharap langkah-langkah ini akan dapat membantu pembangunan industri pelancongan dan perniagaan restoran.

## DASAR EKONOMI BARU

Kerajaan akan terus memberi keutamaan bagi mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sebanyak \$2,861 juta adalah diperuntukkan bagi projek-projek pembasmian kemiskinan dan \$500 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat.

Kerajaan sedar bahawa dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan, dan meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar, kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan elektrik dan air perlu diperluaskan dan dipertingkatkan. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi tujuan-tujuan tersebut dalam tahun 1986. Sebanyak \$431 juta disediakan untuk pembinaan jalanraya dan jambatan, \$225 juta bagi bekalan elektrik dan \$171 juta bagi bekalan air di kawasan-kawasan luar bandar.

## PERTANIAN

Peruntukan sebanyak \$1,668 juta atau kira-kira 19% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan adalah bagi Sektor Pertanian, di mana terdapat sebahagian besar dari golongan miskin di negara ini. Dari jumlah ini, kira-kira \$635 juta adalah diperuntukkan bagi pembangunan tanah baru dan tanah terbiar, \$313 juta bagi projek-projek pembangunan pertanian bersepadu, \$163 juta bagi pembangunan wilayah dan \$98 juta bagi bantuan baja padi. Peruntukan yang besar ini menunjukkan azam Kerajaan untuk meningkatkan lagi pembangunan dan pertumbuhan dalam sektor pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

## GALAKAN CUKAI BAGI PERTANIAN

Kerajaan akan terus memberikan keutamaan yang lebih kepada pembangunan sektor pertanian, terutamanya memandangkan yang ia akan dapat membantu usaha-usaha mengurangkan kemiskinan. Dari itu, galakan-galakan cukai bagi pertanian akan diperbaiki supaya setanding dengan galakan-galakan cukai yang diberikan kepada sektor perkilangan. Adalah dicadangkan supaya galakan taraf perintis diberikan kepada semua kegiatan dalam industri yang digatakan di bawah Dasar Pertanian Negara. Adalah juga dicadangkan supaya eksport keluaran pertanian yang tertentu diberikan elaun eksport sebanyak 5% daripada nilai eksport. Langkah ini adalah bertujuan menggalakkan usaha mempelbagaikan eksport keluaran pertanian.

Selain dari itu, kesemua duti atas alat-alat tertentu yang digunakan di dalam industri pertanian dan juga perikanan, seperti "sonar", "echo sounder", radar dan jentera menuai akan dihapuskan.

## DUTI EKSPORT ATAS LADA

Bagi mengurangkan beban cukai atas penanam-penanam lada yang kebanyakannya terdiri dari pekebun-pekebun kecil, adalah dicadangkan supaya struktur duti eksport atas lada disusun semula. dengan menaikkan harga permulaan bagi pengenaan duti dan menurunkan kadar-kadar duti.

## PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat, program penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan dipertingkatkan lagi. Bank Pembangunan Malaysia

Bhd., dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDF) dengan kerjasama Bank Dunia, akan memberi keutamaan menambahkan bilangan Bumiputera di dalam Perusahaan Projek-projek Kecil seperti Perusahaan Memproses Makanan, Mengeluarkan Bahan-bahan Binaan, Perusahaan berasaskan kayu, buluh, rotan, tembikar dan plastik dan lain-lain kejuruteraan ringan dan kimpalan. Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) juga diberikan peruntukan yang berpatutan bagi membolehkan agensi-agensi tersebut terus melaksanakan projek-projek yang dapat membantu menyusun semula masyarakat Bumiputera di bandar-bandar.

Peruntukan sejumlah kira-kira \$41 juta adalah disediakan di bawah MARA bagi khidmat nasihat dan latihan, terutama kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera.

### STRATEGIII

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh matlamat kedua Strategi Belanjawan. Untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, saya cadangkan beberapa pindaan dibuat kepada sistem insentif dan cukai yang sedia ada.

#### GALAKAN CUKAI BAGI SEKTOR PERKILANGAN

Dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai bentuk galakan cukai untuk menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri dalam sektor perkilangan. Masanya telah tiba bagi semua galakan cukai ini disatukan supaya ia menjadi mudah dan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Adalah dicadangkan supaya hanya galakan-galakan yang utama sahaja

dikekalkan dan yang kurang penting atau bertindih matlamat, dimansuhkan.

Galakan-galakan cukai utama yang akan dikekalkan ialah Taraf Perintis dan Kredit Cukai Pelaburan. Tempoh pelaksanaan cukai di bawah taraf perintis akan ditetapkan, iaitu selama 5 tahun, tanpa mengambilkira jumlah pelaburan. Taraf perintis yang dicadangkan ini bukan sahaja mudah dilaksanakan tetapi juga ia tidak lagi membezakan antara projek besar dengan projek kecil.

Elaun Susutan Dipercepatkan dan Elaun Pelaburan Semula akan dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi. Ini adalah bertujuan menggalakkan pengilang-pengilang yang ada, bagi memoden dan membesarkan kilang-kilang mereka.

Pada masa ini, galakan-galakan bagi eksport ialah dalam bentuk elaun eksport sebanyak 5% dan potongan dua kali bagi perbelanjaan-perbelanjaan menggalakkan eksport. Elaun eksport adalah dicadangkan dihapuskan dan digantikan dengan galakan baru yang bercorak pengurangan cukai yang diberikan dalam bentuk potongan dari pendapatan bersih. Potongan itu ialah sebanyak 10% daripada nilai ditambah dalam eksport. Dengan cara ini, industri perkilangan yang menjalankan proses perkilangan yang lebih tinggi, akan dapat menikmati faedah yang lebih besar, daripada yang mempunyai nilai ditambah yang kecil.

Bidang yang diliputi oleh galakan eksport baru ini akan diperluaskan. Ini diberikan bukan sahaja kepada pengeksport secara langsung tetapi juga kepada pengeksport secara tak langsung. Dari itu, para pengilang yang menjual keluaran mereka kepada kilang-kilang di Zon Perdagangan Bebas (ZPB) dan Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) adalah layak diberikan potongan 10%.



Para pengilang yang mengeksport keluaran mereka akan juga diberikan potongan sebanyak 5% atas penggunaan bahan mentah tempatan dan potongan tambahan sebanyak 5% lagi atas penggunaan bahan mentah asli negara ini. Industri kecil akan diberikan potongan istimewa sebanyak 5% dan potongan tambahan sebanyak 5% lagi jika ia memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Secara ringkasnya, objektif rombakan terhadap galakan-galakan cukai ini ialah untuk memberikan potongan cukai kepada lebih banyak lagi industri di dalam sektor perkilangan, terutamanya kepada pengilang eksport yang mengeksport keluaran mereka.

### **SEKIM PEMBIAYAAN KREDIT UNTUK EKSPORT**

Sekim Pembiayaan Kredit untuk Eksport yang wujud pada masa ini akan dipinda untuk menggalakkan lagi eksport. Sekim yang dipinda akan menjadi lebih berfaedah kepada pengeksport, termasuk juga pembekal bahan-bahan yang digunakan untuk keluaran eksport. Pindaan ini akan menambah senarai barang-barang eksport yang boleh menikmati pembiayaan, memanjangkan tempoh kredit, dan memperkukuhkan kemudahan sebelum barang-barang itu dieksport serta memberi bantuan kewangan pada peringkat pengeluaran. Tujuan pindaan ini ialah untuk memastikan bahawa mereka yang mengeluarkan barangan Malaysia untuk eksport, mempunyai peluang yang lebih untuk mendapatkan kredit.

### **BAYARAN PREMIUM BAGI INSURAN EKSPORT KREDIT**

Bagi menggalakkan eksport di pasaran bukan tradisional, adalah dicadangkan supaya premium yang dibayar bagi polisi insuran eksport kredit diberikan potongan dua kali.

### **DUTI IMPORT ATAS BAHAN-BAHAN MENTAH**

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkilangan akan terus dibantu dengan mengurangkan duti import atas bahan-bahan mentah yang tidak dikeluarkan di negara ini. Kebanyakan duti import sekarang ini ialah antara 2% hingga 5%. Kesemua duti import atas bahan mentah ini, adalah dicadang diturunkan kepada 2%. Para pengilang yang mengeksport ketuaran siap mereka akan terus diberikan pengecualian sepenuhnya daripada duti import atas bahan-bahan mentah.

Memandangkan kerap kali terdapat sungutan mengenai kelewatan di dalam mendapatkan kelulusan pengecualian cukai dan juga bayaran tarik balik cukai, para pengilang akan dibenarkan menggunakan jaminan bank bagi menampung bayaran duti import. Mereka dinasihatkan berhubung dengan Jabatan Kastam, bagi mendapatkan butir-butir lanjut, berkenaan dengan penggunaan jaminan bank ini atas pengimportan bahan-bahan mentah.

### **CUKAI KEUNTUNGAN BERLEBIHAN**

Walaupun cukai keuntungan berlebihan, cukai keuntungan bijih timah dan cukai keuntungan kayu balak, adalah cukai-cukai tambahan ke atas pendapatan syarikat, tetapi ianya telah dikenakan dengan cara yang berbeza-beza. Adalah dicadangkan cukai-cukai tambahan ini diselaraskan menjadi satu bentuk cukai keuntungan berlebihan. Kadar bagi cukai keuntungan berlebihan ini ialah 3% dan had pengecualian sekarang, iaitu \$200,000 atau 25% daripada dana pemegang saham, akan diubah menjadi \$2 juta. Cukai keuntungan berlebihan ini akan dikenakan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat bermastautin, tetapi juga kepada syarikat yang tidak bermastautin.

Cukai keuntungan bijih timah dan cukai keuntungan kayu kayan, akan dihapuskan dan akan diganti dengan cukai keuntungan berlebihan yang baru ini.

Adalah diharapkan, iaitu dengan terlaksananya galakan-galakan cukai ini, sektor swasta akan dapat berkembang dengan pesat lagi dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik.

#### **PENGANGKUTAN**

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$1,359 juta adalah diperuntukkan bagi sektor Pengangkutan. Dari jumlah ini, sebanyak \$965 juta ialah untuk pembinaan jalan-jalan raya dan jambatan. Bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan para penumpang keretapi, peruntukan sebanyak \$185 juta disediakan kepada Keretapi Tanah Melayu.

#### **PERHUBUNGAN**

Kemudahan perhubungan telefon yang baik adalah amat penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negara. Untuk ini, peruntukan sebanyak \$403 juta disediakan bagi membaiki dan menambahkan talian-talian telefon dan telex.

#### **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM**

Sebanyak \$473 juta disediakan bagi menambah bekalan elektrik. Bagi bekalan air, sebanyak \$523 juta disediakan.

#### **PERBELANJAAN MODAL BAGI PEMBINAAN JALAN**

Pada masa ini, tidak ada peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan yang membenarkan kos pembinaan jalan dituntut sebagai elaun modal. Oleh kerana Kerajaan ingin menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak

jalan, adalah dicadang supaya kos pembinaan jalan dikira sebagai perbelanjaan bangunan yang layak dituntut. Ini bermakna, sesebuah syarikat layak menuntut elaun modal pada kadar permulaan 10% dan kadar tahunan 6%.

#### **KAJIAN SEMULA KE ATAS YURAN-YURAN DI BAWAH ORDINAN PENGANG- KUTAN JALAN**

Saya tidak akan membuat pindaan ke atas cukai jalan, dan juga lain-lain yuran pengangkutan, kecuali mengurangkan beberapa yuran yang dibayar oleh pemilik-pemilik motosikal.

#### **PENGECUALIAN CUKAI ATAS TAMBANG PERCUMA**

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Ucapan Belanjawan pada tahun lalu, saya telah mengemukakan satu pindaan terhadap pengecualian cukai ke atas kemudahan tambang percuma yang diberi kepada pekerja. Pindaan tersebut telah mengenakan syarat, iaitu pengecualian cukai hanya boleh dinikmati, sekiranya perjalanan itu dibuat dengan menggunakan pesawat penerbangan Malaysia, atau dengan tiket yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan negara. Ini dibuat dengan objektif yang tertentu. Saya suka maulumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa objektif tersebut telah pun tercapai. Oleh itu syarat yang dikenakan itu, akan ditarikbalik.

#### **PELAJARAN**

Sebanyak \$1,257 juta adalah diperuntukkan bagi menampung keperluan kemudahan-kemudahan pelajaran yang semakin meningkat. Di bawah Program Pelajaran Rendah, sebanyak \$174 juta diperuntukkan bagi menyediakan sebanyak 4,200 bilik darjah. Di samping itu, sebanyak \$284

juta diperuntukkan bagi menyediakan sebanyak 2,700 bilik darjah serta makmal-makmal dan peralatan lain di bawah Program Pelajaran Menengah. Di bawah Program Pelajaran Teknikal dan Vokesyenal, sebanyak \$180 juta diperuntukkan bagi menyediakan 18 buah sekolah vokasional baru dan 5 buah politeknik baru, untuk mengeluarkan pekerja-pekerja mahir dalam bidang perindustrian.

Taraf sekolah-sekolah dan juga bangunan sekolah di negara kita amat tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia. Memandangkan hal ini, dan juga oleh kerana kemelesetan ekonomi negara, pada masa hadapan kerajaan akan membina sekolah-sekolah yang "functional" sahaja. Kita juga seharusnya bersedia membahagikan sumber yang ada dengan lebih adil, untuk memastikan keseragaman dalam taraf dan mutu pelajaran di seluruh negara.

Selain daripada itu, sebanyak \$260 juta diperuntukkan bagi Pelajaran Tinggi untuk menambahkan lagi kemudahan pelajaran di peringkat Universiti, bagi menampung pertambahan pelajar selaras dengan dasar Kerajaan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri bagi menyelamatkan pertukaran wang asing. Seajar dengan ini, sebuah kampus cawangan baru Universiti Sains Malaysia akan ditubuhkan di Ipoh, yang dijangka dapat menampung 1,500 orang petajar, di samping menambah kemudahan-kemudahan di kampus sementara Universiti Utara Malaysia.

Adalah penting menggalakkan sektor swasta supaya lebih inovatif di dalam mengembangkan teknologi baru serta memperbaiki mutu keluaran mereka. Bagi mencapai hasrat ini, galakan cukai bagi Penyelidikan dan Pembangunan yang lebih menarik lagi akan diberikan, agar sektor swasta

tertarik melabur di dalam menyediakan kemudahan penyelidikan. Satu galakan bagi Penyelidikan dan Pembangunan yang baru, dijangka dapat diperkenalkan di dalam sidang Parlimen yang akan datang.

## PERUMAHAN

Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan Awam Kos Rendah akan terus diberikan keutamaan di dalam Belanjawan tahun 1986. Peruntukan sebanyak \$300 juta disediakan bagi membina kira-kira 41,000 unit rumah, yang melibatkan 190 buah projek di dalam pelbagai peringkat pembinaan. Adalah dijangkakan sehingga penghujung tahun 1986, sebanyak 68,000 unit rumah awam kos rendah akan dapat disiapkan. Peruntukan sebanyak \$600 juta juga disediakan, bagi Sekim Pinjaman Perumahan untuk anggota-anggota Kerajaan.

## RUMAH KOS RENDAH

Saya bercadang untuk melaksanakan beberapa langkah yang boleh mempertingkatkan lagi pembinaan rumah kos rendah. Garispanduan institusi-institusi kewangan yang wujud pada masa ini, akan dipinda, dengan ditentukan bahawa 1/3 dari kuota pinjaman perumahan bernilai kurang dari \$100,000 dikhaskan bagi rumah-rumah yang berharga \$25,000 atau kurang. Di samping itu, Bank Negara Malaysia akan mengadakan peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta, bagi membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh sektor awam. Satu projek percubaan di bawah sekim ini sedang dirangka dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jika projek perintis ini berjaya, ianya akan dilaksanakan di seluruh negara, supaya lebih ramai rakyat di dalam golongan berpendapatan rendah mendapat

faedah dari sekim ini. Seterusnya, untuk membolehkan lebih ramai kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah memiliki rumah kos rendah, had umur 30 tahun bagi kakitangan dalam Kategori D akan dimansuhkan secara berperingkat. Tempoh masa pembayaran balik pinjaman perumahan bagi kakitangan Kategori D juga, akan dilanjutkan dari 25 tahun seperti yang ada sekarang kepada 30 tahun. Di samping itu, duti setem sebanyak 0.5% daripada harga pembelian bagi perjanjian pinjaman untuk rumah kos rendah, adalah dimansuhkan.

### KESIHATAN

Bagi bidang Kesihatan pula, peruntukan sebanyak \$161 juta akan disediakan, untuk membina 112 buah pusat kesihatan dan klinik-klinik desa, di samping membina 5 buah hospital baru, selaras dengan fungsi asas perkhidmatan kesihatan untuk memberi perkhidmatan bercorak pencegahan dan rawatan. Selain dari itu, peruntukan disediakan bagi pembaikan dan penambahan kemudahan seperti dewan bedah, Jabatan X-Ray, Wad Bersalin, Wad Kanak-kanak dan peralatan-peralatan di hospital-hospital yang sedia ada.

### CUKAJ KE ATAS MINUMAN KERAS, BIR DAN ROKOK

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab Kerajaan mengenakan duti yang tinggi atas minuman keras dan rokok, ialah kerana kesan buruk ke atas kesihatan.

Saya bercadang untuk menaikkan duti import sebanyak kira-kira 15% ke atas semua jenis minuman keras.

Duti eksais dan duti import ke atas bir dan stout akan dipinda, dan dutinya akan diasaskan kepada kandungan alkohol.

Cukai atas rokok-rokok yang dikilang di dalam negara tidak dinaikkan. Walau bagaimanapun, cukai atas rokok dan lain-lain keluaran tembakau yang diimport akan dinaikkan dari 2% hingga 8%. Jika kenaikan ini tidak berjaya mengurangkan tabiat merokok, saya berharap, sekurang-kurangnya langkah ini akan membantu kempen untuk membeli barang-barang buatan Malaysia. (*Ketawa*).

### CUKAI PERJUDIAN

Untuk mencerminkan keadaan semasa, adalah perlu beberapa bayaran perjudian di atas kasino dikaji semula. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya duti kasino dan levi dinaikkan.

### DASAR KEWANGAN

Tuan Yang di-Pertua, dasar kewangan akan terus disesuaikan oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang kurang menggalakkan. Ianya adalah juga untuk mengambil tindakbalas terhadap kesan kekurangan Imbangan Pembayaran dan mengurangkan defisit fiskal. Bagi menggalakkan pelaburan-pelaburan baru, satu Tabung Pelaburan Baru dengan peruntukan sejumlah \$1 bilion telah diwujudkan. Sambutan terhadap sekim ini sangatlah memuaskan.

Satu dasar kewangan yang aktif akan terus dilaksanakan untuk memastikan pertambahan bekalan wang dan kedudukan mudahtunai tempatan bersesuaian dengan pertumbuhan ekonomi yang disertai oleh kesetabilan harga tanpa menjejaskan Imbangan Pembayaran. Kerajaan akan terus memastikan sektor utama yang meliputi golongan Bumiputera, industri kecil, pengeluaran barangan makanan pertanian, dan rumah kos rendah, memperoleh kredit pada kadar kos yang berpatutan.

## **PERSYARIKATAN BROKER-BROKER SAHAM**

Pasaran Saham perlu diperkukuhkan dan dipermodenkan. Untuk mencapai tujuan ini, ahli-ahli broker saham adalah digalakkan menubuhkan syarikat untuk membolehkan mereka memperoleh modal dan kepakaran. Langkah ini akan dilaksanakan dari bulan April 1986. Ini akan membolehkan Pasaran Saham Malaysia menambahkan keupayaan untuk menggerakkan modal yang lebih besar, dan juga memperbaiki perkhidmatan kepada pelabur.

## **DASAR KADAR FEADAH**

Selaras dengan kejatuhan kadar faedah di beberapa negara, kadar faedah dalam negeri telah pun dikurangkan bagi menggalakkan pelaburan, di samping menentukan kadar faedah kekal di paras yang boleh menggalakkan simpanan. Kerajaan sedang berusaha menjadikan struktur kadar faedah mencerminkan keadaan pasaran dengan tujuan menggalakkan simpanan dan membangunkan lagi pasaran modal.

## **DASAR BANK**

Bagi mewujudkan persaingan dan menambah kecekapan, tindakan telah pun diambil untuk mengurangkan kawalan ke atas institusi kewangan. Pindaan-pindaan ke atas Akta Bank dan Akta Syarikat Kewangan yang telah diluluskan oleh Dewan ini semalam, adalah bertujuan memperkukuhkan lagi sistem bank di negara ini. Ianya juga bertujuan menjadikan bank-bank dan institusi kewangan lebih bertanggungjawab kepada orang ramai. Saya ingin menekankan bahawa Kerajaan adalah berkewajipan mewujudkan satu sistem bank yang teguh dan sihat, dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang

menyalahgunakan sistem tersebut. Selaras dengan ini, beberapa rancangan dan program telah pun diatur untuk memoden dan memperbaiki lagi perkhidmatan bank.

## **CUKAI PEGANGAN ATAS BAYARAN FAEDAH**

Faedah yang dibayar oleh bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan kepada para penyimpan simpanan tetap yang kurang daripada 12 bulan dan penyimpan simpanan tabungan yang melebihi jumlah tertentu adalah tertakluk kepada cukai. Untuk memudahkan sistem pungutan cukai ini, saya mencadangkan supaya cukai pegangan dikenakan. Cukai ini akan dipungut oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan bagi pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kadar cukai ini adalah rendah, iaitu 5% sahaja. Langkah ini adalah juga bertujuan menggalak simpanan untuk tempoh waktu yang lebih panjang. Oleh kerana cukai telah dipungut oleh institusi kewangan, maka para penyimpan tidak akan dikenakan cukai lagi atas pendapatan dari faedah yang diterima oleh mereka. Mereka yang tidak ingin membayar cukai ini, boleh menyimpan untuk jangka yang lebih panjang dengan Bank Perdagangan dan institusi-institusi kewangan, atau dengan Bank Simpanan Nasional.

## **PERNIAGAAN BANK SECARA ISLAM**

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadang dibuat beberapa pindaan terhadap Akta Cukai Pendapatan dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, untuk membolehkan urusan bank dan kewangan yang dibuat mengikut prinsip-prinsip Islam mendapat layanan cukai yang sama, sepertimana yang boleh dinikmati oleh institusi yang menjalankan urusan bank dan kewangan biasa.

## PERNIAGAAN TAKAFUL

Di dalam usaha Kerajaan untuk mengembangkan perniagaan insuran berasaskan prinsip-prinsip Islam, beberapa pindaan dicadangkan terhadap Akta Cukai Pendapatan tahun 1967, untuk memberi layanan yang sama kepada perniagaan takaful seperti syarikat insuran yang lain. Oleh itu, premium bagi takaful keluarga serta pembiayaan pentadbiran dan operasi perniagaan takaful, layak dikira sebagai perbelanjaan yang boleh ditolak daripada pendapatan. Sumbangan yang dibuat di bawah sekim takaful akan juga dibenarkan ditolak sebagai perbelanjaan.

## SEKTOR KESELAMATAN

Di bawah sektor keselamatan, peruntukan sebanyak \$485 juta disediakan, iaitu \$216 juta untuk Pertahanan dan \$269 juta untuk Keselamatan Dalam Negeri. Peruntukan bagi Pertahanan disediakan bagi projek-projek sambungan sahaja. Sebahagian besar peruntukan bagi Keselamatan Dalam Negeri ialah untuk projek-projek sambungan seperti pembinaan balai-balai polis dan rumah kediaman anggota. Peruntukan juga disediakan bagi pembelian beberapa buah kapal terbang kecil dan bot laju, untuk meningkatkan kawalan di kawasan pantai dan untuk membanteras pencerobohan ke atas nelayan kita.

## PROSPEK TAHUN 1986

Tuan Yang di-Pertua, anggaran terakhir menunjukkan bahawa negara-negara perindustrian utama akan mencapai kadar pertumbuhan lebih kurang 3.1% dalam tahun 1986. Kita perlu menerima hakikat bahawa keadaan ekonomi antarabangsa telah berubah. Ianya adalah di luar kawalan kita. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna kita boleh berdiam

diri. Kita perlu bekerja lebih kuat, lebih cekap dan produktif bagi mempertingkatkan prestasi. Kerajaan mempunyai penuh keyakinan bahawa usaha-usaha memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah, akan berjaya.

Berasaskan kepada Strategi Belanjawan 1986 dan langkah-langkah fiskal dan kewangan yang saya cadangkan, ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan kadar 6%. Pertumbuhan ekonomi mungkin meningkat lagi, melebihi 6%, jika sektor swasta menggunakan sepenuhnya langkah-langkah yang dicadangkan di dalam Belanjawan ini. Harga pengguna dijangka stabil dalam lingkungan 1%. Imbangan Pembayaran dijangka mencatatkan lebihan dagangan yang besar sebanyak \$7.5 bilion, dan defisit akaun semasa yang rendah iaitu \$4.2 bilion. Simpanan luar negeri dijangka meningkat lagi dan boleh membiayai 4.5 bulan import, berbanding dengan 4 bulan bagi tahun 1985. Lebihan akaun semasa Kerajaan Persekutuan diramal berjumlah \$108 juta setelah mengambilkira perubahan cukai. Tahap tabungan negara dijangka bertambah baik, oleh kerana kawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam dan kekukuhan Imbangan Pembayaran. Seterusnya kita boleh mengurangkan pinjaman dari luar. Ini akan mengurangkan beban hutang luar kita. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada keadaan ekonomi dunia yang kurang menggalakkan, kita akan terus mengawal perbelanjaan.

## PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan, keadaan ekonomi dunia masih tidak menggalakkan. Ini seterusnya telah menjejaskan prestasi ekonomi negara.

Dalam pada itu, kita tidak boleh menyalahkan keadaan ekonomi dunia sahaja. Kita perlu mencari jalan keluar bagi mengatasi kemelesetan ini. Sama ada kita berjaya atau gagal menentang kemelesetan, adalah terletak kepada usaha diri kita sendiri. Jika sekiranya kita berpeluk tubuh dan berdiamdiri, sudah pasti kita akan tenggelam dan hilang dalam gelombang kemelesetan.

Kita bersyukur kepada Allah S. W. T. yang telah memberi perlindungan dan panduan dalam usaha menguruskan negara dalam keadaan kemelesetan ekonomi. Dengan Rahmat Allah, kita berasa yakin akan dapat "MENENTANG KEMELESETAN". Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah tertentu, untuk mengatasi beberapa kesulitan yang dihadapi oleh rakyat, dan mempergiatkan usaha-usaha mempertingkatkan taraf hidup mereka.

Memandangkan kepada keadaan ekonomi sekarang ini, Belanjawan Tahun 1986, bertujuan untuk mengukuhkan lagi Imbangan Pembayaran dan kedudukan kewangan sektor awam, serta menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Kita perlu terus berjimat cermat dan berkorban demi kepentingan jangka panjang. Perbelanjaan hendaklah selaras dengan kemampuan kewangan kita. Langkah-langkah yang telah diambil, serta cadangan-cadangan yang telah saya gariskan di dalam Belanjawan ini akan memperkukuhkan ketahanan ekonomi dan memperkembangkan sumber-sumber dan seterusnya memperbaiki prestasi ekonomi negara. Langkah-langkah ini sudah pasti akan membina asas yang kukuh untuk Rancangan Malaysia Kelima yang akan dilancarkan tahun hadapan.

Walaupun kita menjalankan usaha-usaha berjimat-cermat, Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat miskin dan akan terus

melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Dari itu, peruntukan yang berpatutan disediakan terutama sekali untuk memberi kemudahan-kemudahan asas yang lebih kepada penduduk di luar bandar dan golongan berpendapatan rendah yang lain.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sahaja tidak mampu membawa kemajuan yang lebih kepada rakyat tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak. Oleh itu, saya ingin menyeru setiap golongan rakyat di negara ini, supaya berdiri teguh di belakang Kerajaan. Perpaduan perlu diperkukuhkan lagi. Kita tidak boleh berpecah-belah, atau berkonfrontasi antara satu sama lain, lebih-lebih lagi semasa negara menghadapi berbagai cabaran.

Saya sendiri mempunyai keyakinan, bahawa rakyat Malaysia berkemampuan menghadapi cabaran yang kita hadapi sekarang. Kita telah berjaya mengatasi beberapa masalah di masa lampau. Dengan kerjasama semua pihak dan dengan izin Allah kita pasti berjaya menentang kemelesetan yang kita hadapi sekarang ini,

Dalam usaha kita memperbaiki kedudukan ekonomi, setiap golongan rakyat mempunyai peranan yang tersendiri. Sektor swasta seharusnya menyahut seruan Kerajaan untuk memainkan peranan yang lebih cergas lagi dalam pembangunan negara. Mereka juga perlu meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos pengeluaran dan mencari pasaran-pasaran baru di luar negeri. Bagi pihak Kerajaan pula, kita akan terus memberikan perhatian yang khusus untuk memesatkan perkembangan sektor perindustrian, pertanian dan pelancongan. Proses perindustrian di negara ini akan ditingkatkan lagi dengan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian serta pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA). Pindaan-pindaan ini akan diumumkan

tidak lama lagi. Kita akan terus memperkukuhkan pembangunan sektor pertanian di mana terdapat kebanyakan daripada rakyat miskin di negara ini.

Setain dari pembangunan fizikal, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, bagi mewujudkan satu rupa bangsa Malaysia yang berpegang teguh kepada ajaran agama. Kita sedar bahawa pembangunan fizikal semata-mata tidak akan dapat menjamin keutuhan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sedar bahawa dunia kini semakin mencabar dan penuh persaingan. Bangsa yang tidak sanggup mempergiatkan usaha bagi menghadapi cabaran ini, sudah tentu akan tertinggal jauh ke belakang. Mereka akan tenggelam dalam arus cabaran itu. Kita akan hanya berjaya jika kita sanggup bekerja keras, meningkatkan daya pengeluaran dan disiplin. Sejarah menunjukkan bahawa bangsa-bangsa yang bekerja kuat dan yang berdisiplin, telah mencapai banyak kejayaan, sehinggakan mencabar kedudukan beberapa negara yang sudah lama bertapak. Sebaliknya, negara-negara di mana penduduknya tidak sanggup bekerja keras, tidak sanggup berkorban dan tidak mempunyai disiplin, telah pun menunjukkan tanda-tanda keruntuhan.

Marilah kita mengambil teladan daripada sejarah dan memperkuat azam kita untuk membina sebuah negara yang lebih aman, maju, makmur dan bersatu-padu. Dengan berkat kerjasama kita semua, dan dengan keizinan Allah, saya percaya negara ini di bawah pucuk pimpinan sekarang, mempunyai masa depan yang cerah. Marilah kita mengembelingkan seluruh tenaga dan usaha untuk menentang kemelesetan dan bagi meletakkan

negara kita ke tahap yang lebih maju, bermaruah dan disegani oleh bangsa-bangsa lain. Dengan kegigihan serta azam yang kuat, saya percaya bahawa rakyat negara ini akan berjaya menentang kemelesetan yang dihadapi sekarang, Insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*)

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

**Tuan Daim Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usut di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin, 28hb Oktober, 1985 mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2)).

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang, hari Isnin, 28hb Oktober, 1985.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.00 petang.*

#### LAMPIRAN I

#### **Melanjutkan tempoh elaun susutan dipercepatkan (ESD) dan elaun pelaburan semula (EPS)**

Sebagai langkah untuk terus menggalak pelaburan dan pemodenan di kalangan swasta, adalah *dicadangkan* supaya ESD dan EPS dilanjutkan selama tiga tahun lagi taitu sehingga tahun 1988. ESD yang dilanjutkan ini adalah dalam bentuk elaun permulaan sebanyak 20 peratus dan elaun tahunan sebanyak 40 peratus. Ini bermakna ESD adalah diberi dalam bentuk susutan dalam tempoh dua tahun dan tidak lagi dalam bentuk susutan satu tahun.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1986.

#### LAMPIRAN II

#### **Cukai pendapatan atas pencen persaraan pilihan bagi isteri-isteri**

Untuk memastikan keseimbangan dan keadilan dari segi beban cukai, adalah *dicadangkan* supaya seseorang isteri yang bersara atas asas pilihan dibenarkan mengistiharkan pencennya di bawah taksiran berasingan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN III

#### **Mengenakan cukai ke atas pencen yang diterima oleh pesara yang belum mencapai umur wajib bersara**

Dengan tujuan untuk memberi layanan cukai yang sama kepada semua penerima pencen, adalah *dicadangkan* supaya pencen yang dibayar kepada Ahli Politik diberi pengecualian cukai apabila mereka telah mencapai umur 55 tahun. Walau bagaimanapun, pencen yang diterima atas sebab-sebab kesihatan akan terus dikecualikan tanpa mengira umur.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN IV

#### **Pengecualian cukai ke atas bayaran faedah untuk pinjaman yang diluluskan dan pinjaman jangka panjang**

Untuk mengurangkan bayaran faedah keluar negeri dan juga untuk memperbaiki kedudukanimbangan pembayaran negara adalah *dicadangkan* supaya pengecualian cukai ke atas bayaran faedah bagi pinjaman jangka panjang ditarik balik I dan cukai pegangan ke atas faedah dinaikkan dari 15% kepada 20%. Tetapi, memandangkan negara masih lagi memerlukan pinjaman luar negeri, pengecualian cukai ke atas bayaran faedah bagi pinjaman yang diluluskan akan dikekalkan. Walau bagaimanapun, skop pinjaman yang diluluskan adalah dihadkan kepada pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri dan badan-badan berkanun dan pinjaman dan kredit yang dijaminan oleh Kerajaan.

Perjanjian pinjaman bagi tujuan ini hendaklah disempurnakan di Malaysia melainkan jika ianya diluluskan oleh Menteri untuk disempurnakan di luar negeri.

Cadangan mula berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

#### LAMPIRAN V

#### Cukai pegangan ke atas bayaran faedah

Sebagai langkah untuk mengatasi masalah kutipan cukai dan untuk menggalakkan simpanan jangka masa panjang, adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) kadar cukai pegangan sebanyak 5 peratus dikenakan ke atas bayaran faedah yang tidak dikecualikan daripada cukai; dan
- (ii) institusi-institusi kewangan diminta memotong cukai berkenaan dari bayaran faedah kepada orang perseorangan dan mengemukakannya kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Cukai pegangan 5% ini adalah cukai sudah dan penerima-penerima faedah tidak lagi dikenakan cukai apabila faedah ini diterima olehnya.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai pada 1hb Januari 1986.

#### LAMPIRAN VI

#### Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1975

Beberapa masalah pentadbiran dan teknikal telah timbul dari pelaksanaan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1975. Sebagai langkah untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan adalah *dicadangkan* supaya pindaan-pindaan berikut dibuat kepada Akta CKHT 1975 iaitu:

- (i) Seksyen 12 berhubung dengan keperluan memberi notis atas sesuatu pelupusan dibatalkan;

(ii) Seksyen 13 dipinda supaya seseorang itu dikehendaki mengemukakan penyata ketika melupuskan sesuatu harta tanah;

(iii) Seksyen 8 dipinda untuk membenarkan seseorang isteri yang berkahwin dengan bukan warganegara menikmati pengecualian cukai bagi pelupusan rumah kediaman yang dipunyai oleh beliau;

(iv) Seksyen 15 dan 19 dipinda untuk mengangap tarikh pengambilan harta dan tarikh penentuan harga pengambilan adalah pada satu tarikh yang sama;

(v) Seksyen 17 (1) dipinda untuk menjelaskan bahawa dalam skim penyusunan semula, syarikat yang menerima pindahmilik harta hendaklah disusun semula untuk membolehkan syarikat yang memindahmilik harta menikmati pengecualian CKHT; dan

(vi) Jadual 4 Akta dipinda untuk membenarkan "co-proprietor" sesuatu harta tanah yang dipindahmilik menikmati pengecualian cukai sehingga \$5,000 atau 10%, yang mana lebih tinggi, daripada keuntungan yang dikenakan cukai.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1986.

#### LAMPIRAN VII

#### Perniagaan Takaful

Memandangkan takaful adalah merupakan insuran nyawa dan insuran am mengikut cara-cara Islam, adalah *dicadangkan* supaya perniagaan takaful ini diberi layanan cukai yang

sama seperti perniagaan insuran lain. Dengan ini pindaan ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut akan dibuat:

- (i) premium yang dibayar bagi takaful keluarga akan diberi pelepasan cukai mengikut seksyen 49 Akta;
- (ii) bayaran premium bagi takaful am dibenarkan sebagai potongan di bawah seksyen 33 (1) Akta; dan
- (iii) perbelanjaan pengurusan perniagaan takaful dibenarkan sebagai potongan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai pada tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN VIII

#### Layanan cukai bagi perbelanjaan modal dalam pembinaan jalan raya oleh pihak swasta

Memandangkan kepada usaha Kerajaan untuk mengswastakan pembinaan jalan raya, adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) pindaan dibuat kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi memperkenalkan perenggan baru 67A kepada Jadual 3 untuk menganggap perbelanjaan modal dalam pembinaan jalan raya di bawah program pengswastaan sebagai "qualifying building expenditure"; dan
- (ii) elaun permulaan sebanyak 10 peratus dan elaun tahunan sebanyak 6 peratus dibenarkan bagi perbelanjaan modal berkenaan.

Cadangan ini dianggap berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

#### LAMPIRAN IX

#### Kemudahan tambang percuma untuk pekerja

Adalah *dicadangkan* supaya syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan dengan keperluan untuk menggunakan pengangkutan nasional itu dimansuhkan. Dengan pindaan ini mereka yang layak mendapat kemudahan ini boleh mengguna mana-mana pengangkutan pilihannya.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari Belanjawan.

#### LAMPIRAN X

#### Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 berhubung dengan perniagaan bank secara Islam

Untuk membolehkan operasi perniagaan bank secara Islam diberi layanan cukai yang sama seperti perniagaan bank-bank yang lain adalah *dicadangkan* supaya pindaan-pindaan berikut dibuat iaitu:

- (i) *Akta Cukai Pendapatan 1967*
  - (a) mengadakan subseksyen baru di bawah seksyen 2 Akta untuk membolehkan perbelanjaan dan pendapatan dari transaksi yang berdasarkan prinsip Islam diberi layanan cukai yang sama seperti pendapatan faedah di bawah operasi lain-lain bank; dan
  - (b) Kertas Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) dikeluarkan untuk

memberi pengecualian cukai terhadap keuntungan yang diterima daripada simpanan tabungan dan pelaburan dengan Bank Islam, Langkah ini adalah sama seperti pengecualian cukai yang diberi terhadap faedah simpanan jangka panjang dengan bank-bank lain.

Pindaan-pindaan ini dianggap berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1984.

(ii) *Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976*

- (a) mengadakan subperenggan baru kepada perenggan 1 Jadual 2 Akta untuk membolehkan peruntukan-peruntukan mengenai faedah digunakan bagi perbelanjaan di bawah transaksi bank yang dijalankan berdasarkan prinsip-prinsip Islam;
- (b) mengadakan perenggan baru di bawah Jadual 2 untuk menjelaskan tarikh pengambilan harta dan harga pengambilan harta berhubung dengan pelupusan oleh bank yang menjalankan perniagaan berdasarkan prinsip-prinsip Islam; dan
- (c) mengadakan perenggan baru di bawah Jadual 4 untuk mengecualikan daripada CKHT semua transaksi berhubung dengan pelupusan harta oleh Bank Islam atau lain-lain institusi yang bersamaan.

Pindaan-pindaan ini dianggap mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1983.

LAMPIRAN XI

**Pindaan kepada Akta Cukai Pemin-dahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984**

Sebagai langkah untuk mengemas-kinikan dan menjelaskan lagi beberapa takrif di dalam Akta adalah *dicadangkan* supaya pindaan-pindaan berikut dibuat iaitu:

- (a) takrif-takrif berikut yang terdapat di bawah seksyen 2 Akta ditakrifkan semula iaitu:
  - (i) pelupusan; dan
  - (ii) syarikat berasaskan tanah.
- (b) sesebuah syarikat akan dianggap memegang kepentingan dalam syer dalam sesebuah syarikat berasaskan tanah sekiranya:
  - (i) ia mempunyai "voting shares" melebihi 20% syarikat berasaskan tanah; atau
  - (ii) melalui syarikat pengantara (interposed company) di mana syarikat berkenaan mempunyai "voting shares" melebihi 20% dalam syarikat berasaskan tanah.
- (c) takrif syarikat pengantara adalah sama seperti konsep "subsidiary" di bawah Akta Syarikat 1965;
- (d) memperkenalkan seksyen baru iaitu seksyen 4A di mana pemindahan syer dalam

keadaan-keadaan berikut tidak dikenakan cukai:

- (i) penyusunan semula selaras dengan Dasar Ekonomi Baru; atau
  - (ii) "liquidation" disebabkan penyusunan semula selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.
- (e) Perenggan 3 kepada Jadual 2 Akta dipinda supaya pemin-dahan di antara pemilik sah dan nomini atau pemegang amanah tidak akan dikenakan cukai; dan
- (f) memperkenalkan perenggan baru 4 di bawah Jadual 2 Akta untuk memberi pengecualian cukai ke atas pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan.
- (g) seksyen 5 berhubung dengan tarikh pelupusan dipinda.

Pindaan-pindaan ini akan dianggap berkuatkuasa mulai 19hb Oktober 1984.

#### LAMPIRAN XII

#### **Kajian semula cukai keuntungan bijih timah, kayu balak dan cukai keuntungan berlebihan**

Sebagai langkah untuk mengatasi beberapa masalah berkaitan dengan cukai keuntungan berlebihan ke atas syarikat, cukai keuntungan bijih timah dan kayu balak, adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) konsep "shareholders' funds" di bawah cukai keuntungan berlebihan ditarik balik;

- (ii) had pengecualian cukai bagi tujuan cukai keuntungan berlebihan bagi syarikat dinaikkan dari \$200,000 kepada \$2 juta. Had pengecualian ini dikuatkuasa untuk syarikat-syarikat pemastautin dan bukan pemastautin;
- (iii) kadar cukai keuntungan berlebihan untuk syarikat diturunkan dari 5 peratus kepada 3 peratus; dan
- (iv) cukai keuntungan bijih timah dan kayu balak dihapuskan dan digantikan dengan cukai keuntungan berlebihan;

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN XIII

#### **Potongan dua kali ke atas premium insuran eksport kredit**

Sebagai langkah untuk menggalak pengeksport-pengeksport mencebur dalam pasaran-pasaran eksport baru, adalah *dicadangkan* supaya potongan dua kali diberi bagi bayaran premium untuk insuran kredit eksport.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN XIV

#### **Pengecualian cukai pendapatan ke atas amanah unit dan pemegang-pemegang unit amanah sekuriti Kerajaan**

Bagi membolehkan orang perseorangan melabur dalam sekuriti Kerajaan dengan lebih banyak lagi adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) amanah unit untuk sekuriti Kerajaan diberi pengecualian cukai; dan

- (ii) dividen yang diterima oleh pemegang amanah unit untuk sekuriti Kerajaan dikecualikan daripada cukai selaras dengan pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi daripada pelaburan dalam sekuriti Kerajaan oleh seseorang individu.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1986.

#### LAMPIRAN XV

### **Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967**

Untuk menerangkan layanan cukai ke atas perkongsian di antara Petronas dan syarikat minyak adalah *dicadangkan* supaya definisi "partnership" diperkenalkan dalam Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1980.

#### LAMPIRAN XVI

### **Amnesti dan pengecualian cukai yang dibawa pulang daripada luar negeri**

Sebagai langkah untuk menggalakkan syahkat dan individu membawa balik pendapatan yang tersimpan di luar negeri adalah *dicadangkan* supaya:

- (i) Dikecualikan 50% daripada pendapatan komisyen yang terakru di Malaysia tetapi dibayar di luar negeri dan di bawa balik ke Malaysia. Mereka yang mengikrar dan membawa balik pendapatan ini tidak akan dikenakan apa-apa denda. Pembayar cukai yang ingin menikmati amnesti dan pengecualian ini mestilah mengikrar komisyen berkenaan semasa ia membuat "return" cukainya bagi tahun taksiran 1986. Komisyen yang dimaksud

di sini ialah komisyen yang diterima pada sesuatu tempoh sebelum tahun taksiran 1986.

- (ii) Dikecualikan 100% pendapatan luar negeri yang dibawa masuk ke Malaysia di antara 25hb Ogos 1985 hingga 31hb Disember 1986. Ini bermakna pembayar cukai boleh mengikrar pendapatan ini bagi tahun-tahun taksiran berkenaan. Untuk mendapat pengecualian ini pendapatan berkenaan mestilah dibawa masuk ke Malaysia sebelum atau semasa pembayar cukai membuat "return" untuk tahun-tahun taksiran berkenaan. Pengecualian ini tidaklah termasuk pendapatan Bank, syarikat-syarikat penerbangan dan perkapalan, iaitu pendapatan yang tertakluk kepada skop dunia.

#### LAMPIRAN XVII

### **Galakan-galakan untuk sektor pembuatan**

Galakan cukai untuk sektor pembuatan yang sedia ada digubal pada tahun 1968 lagi dan dengan itu perlulah ia dikemaskini untuk menjadi lebih berkesan terutama sekali untuk membangunkan industri-industri yang berorientasi eksport. Oleh itu adalah *dicadangkan* supaya galakan-galakan cukai untuk sektor pembuatan ini dipinda seperti berikut:

- (a) Galakan Taraf Perintis akan diubahsuai di mana pemberian tidak dikait dengan jumlah pelaburan modal tetapi berlandaskan kepada keutamaan-keutamaan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa kesemasa. Jangkamasa galakan taraf perintis adalah untuk 5 tahun dan bermula dari tarikh pengeluaran yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan

dan Perindustrian. Projek-projek baru yang diluluskan tidak lagi akan diberi tempoh taraf perintis yang melebihi 5 tahun.

- (b) Galakan dalam bentuk Kredit Cukai Pelaburan (KCP) dikekalkan sebagai satu pilihan alternatif' kepada galakan taraf perintis bagi pelabur-pelabur. Kadar maksima yang akan diberi ialah 100%.
- (c) Potongan daripada pendapatan yang diselaraskan sebagai satu kaedah galakan diperkenalkan. Kaedah potongan-potongan itu adalah berpandukan kepada prestasi satu-satu pengilang diparas berikut:
- (i) Potongan daripada pendapatan yang diselaraskan sebanyak 10% daripada nilai ditambah dalam eksport.
  - (ii) Potongan sebanyak 5% daripada Pendapatan Yang Diselaraskan bagi unsur-unsur penempatan.
  - (iii) Potongan daripada pendapatan yang diselaraskan sebanyak 5% daripada nilai bahan-bahan tempatan yang digunakan di dalam eksport. Bahan-bahan tempatan ini adalah bahan-bahan yang diperbuat di negara ini.
  - (iv) Potongan daripada pendapatan yang diselaraskan sebanyak 5% daripada nilai bahan-bahan tempatan asli yang diluluskan dan digunakan di dalam pengilangan untuk

eksport. Bahan-bahan yang dimaksudkan di sini ialah bahan-bahan yang ditanam, ditanak dan digali di negara ini.

- (d) Pengilang kecil diberi galakan khas dalam bentuk potongan sebanyak 5% daripada pendapatan yang diselaraskan untuk tempoh 5 tahun. Potongan tambahan 5% lagi akan diberikan jika pengilang kecil memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru. Pengilang kecil ialah pengilang yang mempunyai tabung pemegang saham tidak melebihi \$200,000 dan harta tetap tidak melebihi \$1 juta. Di samping galakan khas ini pengilang kecil juga berpeluang menikmati galakan potongan pendapatan diselaraskan seperti di para kecil (c) di atas.

2. Elaun Susutan Di Percepatkan (ESD) dan Elaun Pelaburan Semula (EPS) akan dilanjutkan untuk tempoh 3 tahun lagi. Ini bertujuan untuk menggalakkan industri yang sedia ada memoden dan membesarkan kilang-kilang mereka. Walau bagaimanapun Elaun Susutan Di Percepatkan yang baru ini akan membenarkan perbelanjaan modal dihapuskan dalam masa 2 tahun.

3. Galakan-galakan berikut adalah dimansuhkan:

- (i) Galakan Penggunaan Buruh.
- (ii) Galakan Tempat Kedudukan.
- (iii) Elaun Eksport (kecuali untuk barang-barang pertanian).
- (iv) Elaun Penambahan Modal.

4. Pekilang-pekilang baru adalah diberi pilihan untuk memilih potongan pendapatan yang diselaraskan atau

Galakan Taraf Perintis/Kredit Cukai Pelaburan. Pekilang-pekilang yang sedia ada akan layak untuk menikmati galakan potongan pendapatan yang diselaraskan selepas tamatnya tempoh galakan yang mereka sedang nikmati.

5. Cadangan ini akan mula berkuatkuasa pada tahun asas 1986. Rang Undang-undang untuk menguatkuasakan cadangan ini akan dikemukakan ke Parlimen pada sesi akan datang. Pekilang-pekilang yang sedang menikmati atau yang dilulus dengan galakan cukai sebelum cadangan-cadangan baru ini berkuatkuasa, akan terus menikmati galakan tersebut sepertimana diperuntukkan di bawah Akta sekarang.

#### LAMPIRAN XVIII

##### **Galakan khas untuk pertanian**

Galakan untuk industri pertanian yang sedia ada dalam bentuk sekarang tidaklah bersesuaian dengan keadaan sekarang. Selari dengan kehendak-kehendak Dasar Pertanian Negara dan juga untuk memperbaiki kekurangan-kekurangan yang terdapat dalam struktur galakan cukai untuk industri ini adalah *dicadangkan*:

- (i) Taraf Perintis selama 5 tahun akan diberi bermula dari pengistiharan hari pengeluaran oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; atau
- (ii) Kadar Kredit Cukai Pelaburan akan diberi sampai paras maksima 100% untuk perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh 5 tahun; dividen akan dikecualikan dari cukai.
- (iii) Selepas tempoh Kredit Cukai Pelaburan atau taraf perintis, Elaun Pembangunan Pertanian (Agriculture Development Allowance) boleh dinikmati. Elaun ini adalah sama seperti

elaun penanaman (plantation allowance) di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967. Di bawah galakan ini elaun permulaan bagi "plant and machinery" sebanyak 60% dan elaun tahunan biasa akan diberi; Kegiatan pertanian dan tanaman yang tidak berkelayakan untuk mendapat taraf perintis atau Kredit Cukai Pelaburan akan diberi Elaun Pembangunan Pertanian.

- (iv) Elaun eksport sebanyak 5% f.o.b. akan diberi untuk pengeksporan buah-buahan atau hasil-hasil dari kegiatan pertanian dalam bentuk segar dan syarat pengeksporan dibuat melalui pelaburan dan lapangan terbang tempatan; dan

2. Tanaman-tanaman serta kegiatan-kegiatan pertanian yang digalakkan dari masa kesemasa oleh Dasar Pertanian Negara adalah berkelayakan untuk menikmati galakan-galakan ini. Pemberian taraf perintis pula tidak akan diasaskan kepada jumlah modal. Semua industri yang layak akan diberi taraf perintis selama lima tahun bermula dari hari pengeluaran yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

3. Cadangan-cadangan ini akan mula berkuatkuasa pada tahun asas 1986. Rang Undang-undang untuk menguatkuasakan Undang-undang ini akan dikemukakan ke Parlimen pada sesi yang akan datang.

#### LAMPIRAN XIX

##### **Galakan untuk industri pelancungan**

Dengan tujuan untuk memberi galakan-galakan yang lebih berkesan



kepada industri pelancungan, adalah *dicadangkan*:

(a) Galakan untuk industri pelancungan diberi dalam bentuk:

- (i) Galakan Taraf Perintis.
- (ii) Galakan Kredit Cukai Pelaburan.

(b) Semua projek yang berkaitan dengan petancungan yang diluluskan oleh Kerajaan adalah layak untuk mendapat galakan-galakan ini. Projek-projek ini termasuklah projek-projek "accomodation" dan "non-accomodation". Projek-projek "accomodation" diperluaskan untuk meliputi hotel, hostel, chalet dan rumah rehat. Projek-projek "non accomodation" pula meliputi zoo, safari park dan lain-lain projek untuk menarik pelancung.

(c) Tempoh bagi Galakan Taraf Perintis adalah selama 5 tahun. Ianya akan bermula daripada tarikh pengeluaran yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

(d) Tahap Kredit Cukai Pelaburan adalah di paras maksima 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dibelanjakan dalam jangkamasa 5 tahun. Pendapatan dividen berkenaan akan dikecualikan daripada cukai.

(e) Elaun Bangunan Perindustrian seperti yang sedia ada dikekalkan.

(Cadangan-cadangan (a)-(e) akan mula berkuatkuasa pada tahun asas 1986).

(f) Sesuatu pengusaha pelancungan "tour operator" yang membawa masuk sekurang-kurangnya 500

orang pelancung melalui "group inclusive tours" akan diberi potongan ke atas pendapatan yang diselaraskan. Kadar potongan ialah 10% daripada pendapatan yang diperolehi daripada operasi membawa masuk pelancung luar negeri. Galakan ini adalah diberi kepada pengusaha-pengusaha yang berdaftar dan diluluskan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia.

(Cadangan ini akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1986).

2. Tafsiran projek-projek pelancungan adalah termasuk projek-projek "accomodation" dan "non accomodation" yang menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan dari masa kesemasa. Galakan-galakan ini hanya boleh dinikmati oleh syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat sahaja dan syarikat-syarikat berkenaan mestilah berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia.

## LAMPIRAN XX

### Mengkaji semula cukai perkhidmatan

Sebagai satu langkah untuk membantu industri hotel dan restoran di samping menggalakkan industri pelancungan di negara ini, adalah *dicadangkan* supaya kadar cukai perkhidmatan diturunkan dari 10 peratus kepada 5 peratus. Selanjutnya *dicadangkan* supaya:

- (1) skop cukai ini diperluaskan untuk meliputi semua tempat yang mempunyai lesen minuman rumah awam/bir kelas satu. Untuk cadangan ini kriteria nilai jualan tahunan \$500,000 dan ke atas tidak akan dipakai. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1986.

- (2) cukai ini juga dikenakan ke atas bayaran-bayaran seperti "charge tuala", "corkage charge" dan "cover charge" yang dikenakan di tempat-tempat yang tertakluk kepada cukai ini.

## LAMPIRAN XXI

**Cadangan untuk meminda duti eksport ke atas lada**

Untuk membantu industri lada yang kini menghadapi beberapa kesulitan, adalah *dicadangkan* supaya beberapa langkah diambil untuk mengurangkan beban eksport duti atas barangan ini seperti berikut:

- (1) Harga permulaan untuk pengenaan duti eksport bagi lada hitam dinaikkan dari \$3,000 setan kepada \$4,000 setan dan harga permulaan lada putih dinaikkan dari \$3,500 setan kepada \$4,500 setan.
- (2) Struktur duti eksport atas lada diubah seperti berikut:

*Lada Hitam* ,

- di atas \$4,000 setan — tiada duti yang pertama
- di atas \$1,500 setan — 5% ad berikutnya valorem
- di atas \$1,500 setan — 10% ad berikutnya valorem
- di atas \$1,500 setan — 20% ad berikutnya valorem
- di atas bakinya — 30% ad valorem

*Lada Putih*

- di atas \$4,500 setan — tiada duti yang pertama
- di atas \$1,500 setan — 5% ad berikutnya valorem
- di atas \$1,500 setan — 10% ad berikutnya valorem
- di atas \$1,500 setan — 20% ad berikutnya valorem
- di atas bakinya — 30% ad valorem

3. Harga warta bagi maksud taksiran duti eksport diwartakan sebulan sekali dan tidak seminggu sekali sebagaimana yang diamalkan sekarang.

## LAMPIRAN XXII

**Mengkaji semula duti import ke atas minuman keras**

Kadar-kadar duti import ke atas minuman keras yang berkuatkuasa sekarang adalah ditetapkan pada tahun 1982. Dari segi kesihatan, minuman keras merupakan barangan yang tidak patut digalakkan penggunaannya. Berdasarkan pandangan di atas, adalah *dicadangkan* supaya duti import atas semua jenis minuman keras yang diimport dinaikkan lebih kurang 15 peratus dan duti import ke atas minuman-minuman seperti brandy, whisky, gin rum, dan vodka disamakan. Struktur duti baru adalah seperti berikut:

	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicapadangkan</i>
	<i>Per litre/per proof decalitre</i>	<i>Per decalitre/per proof decalitre</i>
	(1)	(2)
22.03 100 Beer and ale	45% or \$3.40 pl	\$ 39 pdl
200 Stout and Porter	45% or \$3.40 pl	\$ 39 pdl
22.04 000 Grape must	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl

		<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
		<i>Per litre/per proof decalitre</i>	<i>Per decalitre/per proof decalitre</i>
		(1)	(2)
<i>Still Wines</i>			
22.05	110 not exceeding 15° GL (or 26° ps)	45% or \$5.50 pl	\$63 pdl
	120 exceeding 15° GL (or 26° ps) but not exceeding 24° GL (or 42° ps)	45% or \$9.20 pl	\$106 pdl
	130 exceeding 24° GL (or 42° ps)	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
<i>Sparkling Wines</i>			
	310 not exceeding 24° GL (or 42° ps)	45% or \$16.50 pl	\$189 pdi
	320 exceeding 24° GL (or 42° ps)	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
22.06	<i>Vermouths</i>		
	100 not exceeding 15° GL (or 26° ps)	45% or \$5.50 pl	\$63 pdl
	200 exceeding 15° GL (or 26° ps) but not exceeding 24° GL (42° ps)	45% or \$9.20 pl	\$106 pdl
	300 exceeding 24° GL (or 42° ps)	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
22.07	<i>Other fermented beverages</i>		
	100 Cider and perry	45% or \$2.60pl	\$30 pdl
	200 Sake (rice wine)	45% or \$162 ppd	\$186 ppdl
	300 Mead	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
	400 Wines from fruits other than grapes	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
	900 Olher	45% or \$265 ppdl	\$305 ppdl
22.08	<i>Ethyl alcohol</i>		
	100 undenatured of 80° GL (or 140° ps) or higher.	45% or \$160 ppdl	\$184 ppdl
	200 Denatured	45% or 60 cents pl	\$7 pdl
22.09	110 Whisky in bottle not exceeding 46° GL (or 81° ps)	45% or \$23 pl	\$264 pdl
	211 Brandy in bottle not exceeding 46° GL (or 81° ps)	45% or \$24 pl	\$264 pdl
	911 Gin in bottle not exceeding 46° GL (or 81° ps)	45% or \$23 pl	\$264 pdl
	921 Rum in bottle not exceeding 46° GL (or 81° ps)	45% or \$23 pl	\$264 pdl
	+ Vodka in bottle not exceeding 46° GL (or 81° ps) (kod baru dicadangkan)	\$145 pdl	\$264 pdl

## LAMPIRAN XXIII

**Cadangan untuk menukar cara pengenaan duti eksais ke atas bir dan stout**

Untuk menyamakan asas pengenaan duti atas bir dan stout dengan minuman

keras yang lain di mana duti adalah dikenakan mengikut "alcohol content", adalah *dicadangkan* supaya minuman bir dan stout yang mempunyai "alcohol content" yang tinggi dikenakan duti yang lebih tinggi sebanyak 5 peratus berbanding dengan minuman-minuman yang tidak

mempunyai "alcohol content" yang begitu tinggi seperti berikut:

<i>Bir yang dibuat daripada malt</i>	<i>Duti import*</i>	<i>Duti eksais</i>
tidak melebihi 10° proof spirit	\$39 per decalitre	\$20 per decalitre
Uin .. ..	\$41 per decalitre	\$21 per decalitre

\* kadar ini telah mengambilkira kenaikan kadar duti import 15%.

#### LAMPIRAN XXIV

#### Cadangan untuk menaikkan duti import ke atas rokok dan tembakau.

Untuk memberi perlindungan yang lebih tinggi kepada industri tembakau tempatan, adalah *dicadangkan* supaya duti import ke atas pengimportan beberapa jenis tembakau yang siap dikilang dinaikkan seperti berikut:

<i>Jenis pengimportan tembakau yang siap dikilang</i>	<i>Duti Import</i>	
	<i>Kadar sekarang (\$ se/kg)</i>	<i>Kadar dicadangkan (\$ selkg)</i>
1. cigar, chcroot dan cigarrilos	60	65
2. rokok....	80	85
3. beedies ..	19	19.50
4. lain tembakau yang siap di kilang yang bukan digunakan untuk pengilangan rokok dengan mesin.	11	11.50
5. cut-rags ..	65	70

#### LAMPIRAN XXV

#### Cadangan untuk mengkaji semula beberapa jenis bayaran yang dikenakan di bawah Ordinan Lalulintas 1958

Sebagai satu langkah untuk meringankan beban ke atas pemilik-pemilik motosikal serta mengujudkan satu struktur cukai yang lebih adil adalah *dicadangkan* supaya bayaran-bayaran untuk mengendoskan ke dalam daftar dan/atau ke dalam buku pendaftaran nama lain-lain pihak yang menuntut pemilikan sesebuah motosikal dan bayaran-bayaran untuk membekalkan salinan lesen cukai jalan dan salinan buku pendaftaran untuk sesebuah motosikal diturunkan dari \$50 kepada \$20 sahaja.

#### LAMPIRAN XXVI

#### Cadangan untuk menghapuskan semua duti atas beberapa jenis alat yang digunakan oleh sektor perikanan dan pertanian.

Untuk menggalakkan nelayan-nelayan dan petani-petani menggunakan alat-alat moden adalah *dicadangkan* supaya semua duti ke atas beberapa jenis alat kelengkapan dihapuskan seperti berikut:

	<i>Duti Import</i>		<i>Cukai Jualan</i>	
	<i>Kadar sekarang (%)</i>	<i>Kadar dicadang (%)</i>	<i>Kadar sekarang (%)</i>	<i>Kadar dicadang (%)</i>
1. Sonar	5	—	10	—
2. Echo sounder	5	—	10	—
3. Radar	30	—	10	—
4. Combine harvester	—	—	10	—

## LAMPIRAN XXVII

**Duti eksais ke atas minuman ringan**

Untuk memudahkan pentadbiran kastam serta meringankan beban kerja ke atas industh minuman ringan, adalah *dicadangkan* supaya duti eksais ke atas minuman ringan diasaskan kepada kadar spesifik 2 sen seliter dan bukannya ke atas kadar ad valorem 3 peratus sepertimana sekarang.

## LAMPIRAN XXVIII

**Pengecualian duti kastam ke atas bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen**

Sebagai satu langkah yang positif untuk menyenangkan pengilang-pengilang mendapat bahan-bahan

mentah dan bahagian-bahagian komponen, adalah *dicadangkan* supaya dasar pengecualian duti kastam ke atas bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen dikemaskinikan dengan mengurangkan kadar duti ke atas beberapa jenis bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen kepada 2 peratus sahaja.

Perlaksanaan langkah ini bermakna, dimasa hadapan, permohonan-permohonan untuk pengecualian duti kastam ke atas bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen tersebut tidak akan dipertimbangkan lagi kecuali bagi barang-barang siap untuk pasaran eksport. Bahan-bahan mentah dan bahagian-bahagian komponen yang terlibat adalah seperti terdapat dalam kepilan yang disertakan.

## KEPILAN BAGI LAMPIRAN XXVIII

**BAHAN-BAHAN MENTAH/KOMPONEN YANG DICADANGKAN  
DITURUNKAN DUTIIMPORT**

<i>Kod BTN</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
05.01 000	Human hair, unworked whether or not washed or scoured; waste of human hair	3%	2%
05.02 000	Pigs', hogs' and boars' bristles or hair; waste of such bristles and hair	3%	2%
05.03 000	Horsehair and horsehair waste, whether or not put up on a layer or between two layers of other material	3%	2%
05.05 000	Fish waste	3%	2%
05.08	Bones and horn-cores, unworked, defatted, simply prepared (but not cut to shape) treated with acid or degelatinised; power and waste of these products:		
900	other	3%	2%

<i>Kod BTN</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
05.14 000	Ambergris, castoreum, civet and musk; cantharides; bile; whether or not dried; animal products, fresh, chilled or frozen, or otherwise provisionally preserved, of a kind used in the preparation of pharmaceutical products	3%	2%
10.01	Wheat and meslin (mixed wheat and rye);		
100	Durum wheat	3%	2%
	other:		
210	meslin	3%	2%
250	Other wheat including spelt	3%	2%
10.02 000	Rye	3%	2%
10.04 000	Oats	3%	2%
11.01	Cereal flours:		
	other:		
910	of maize	5%	2%
11.08	Starches; inulin:		
190	other	5%	2%
12.01	Oil seeds and oleaginous fruit, whole or broken:		
450	Linseed	3%	2%
12.07	Plants and parts (including seeds and fruit) of trees, bushes, shrubs or other plants being goods of a kind used primarily in perfumery, in pharmacy, or for insecticidal, fungicidal or similar purposes, fresh or dried, whole, cut, crushed, ground or powdered:		
	Other:		
910	crushed, ground or powdered	5%	2%
13.02	Shellac, seed lac, stick lac and other lacs; natural gums, resins, gum-rasins and balsams:		
100	Shellac, seed lac, stick lac and other lacs	3%	3%

<i>Kod BTN</i>	<i>Keterangan</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Dicadangkan</i>
-200	Gum copal	3%	3%
300	Gum damar	3%	2%
400	DragoiTs blood	3%	2%
500	Gum benjamin	3%	2%
600	Gum turpentine (crude turpentine)	3%	2%
800	Other oleoresins	3%	2%
